

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
Sent: Wednesday, October 31, 2018 9:36 AM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar; Dr. Mohd Na'eim Bin Ajis; Roshadah Bt Yaacob
Subject: UUM COLGIS ONLINE : PELAJAR UUM COLGIS JALANI PROGRAM MOBILITI KE BINUS UNIVERSITY, INDONESIA



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia


31 OKTOBER 2018 / 22 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

PELAJAR UUM COLGIS JALANI PROGRAM MOBILITI KE BINUS UNIVERSITY, INDONESIA



PPA COLGIS ONLINE: Dua orang pelajar UUM COLGIS melapor diri sebagai pelajar mobilti di Universiti Bina Nusantara (*Binus Univeristy*) pada 10 September 2018. Mereka adalah Siti Fatimah Noor binti Abdul Jalil dan Nurul Ain binti Ibir, pelajar jurusan Pengurusan Perniagaan Antarabangsa daripada Pusat Pengajian Antarabangsa. Ketibaan mereka di Lapangan Terbang Antarabangsa Soekarno–Hatta disambut oleh pelajar Binus University yang dikenali sebagai iBuddies. Mereka ditempatkan di penginapan di dalam kampus universiti iaitu Binus Square, Hall of

Residence yang lengkap dengan penghawa dingin, *wi-fi*, gymnasium, discussion room dan kolam renang.

Sesi pembelajaran telah bermula pada 17 September yang lalu. Di samping itu juga, pihak Binus juga telah menganjurkan satu acara sesi suai kenal pelajar mobiliti bersama dekan-dekan bagi kampus masing-masing yang dikenali sebagai '*Apa Kabar Session*'. Manakala Binus Square pula telah menganjurkan acara '*Welcome Party*' pada 27 September lepas untuk menyambut pelajar baharu sesi 2018/2019 dan pelajar pertukaran.

Pelajar mobiliti Binus juga telah dibawa menyertai lawatan ke Pulau Seribu yang terletak di kawasan utara Jakarta. Lawatan 2 hari 1 malam itu disertai oleh beberapa staf International Office Binus dan iBuddies. Binus juga akan menganjurkan *International Days* yang melibatkan pelajar mobiliti sebagai duta universiti masing-masing untuk berkongsi pengalaman dan faedah yang diperolehi kepada pelajar-pelajar tempatan untuk menggalakkan mereka menyertai Program Pertukaran Pelajar (*Exchange Student Programme*) atau Program Praktikal Luar Negara (*Abroad Internship Programme*).

Menurut Nurul Ain binti Ibir melalui emailnya kepada PPA COLGIS "*peluang mengikuti pengajian di luar negara ini amat bermakna kepada saya, saya amat berterima kasih kepada pihak PPA COLGIS dan UUM kerana memberi peluang ini kepada kami. Kami juga akan menjaga nama baik UUM dan kami akan mempromosikan UUM kepada pelajar-pelajar tempatan dan mobiliti di sana.*"

Sekian, terima kasih.

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

College of Law, Government and International Studies (COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email : colgis_pppa@uum.edu.my

Laman Web : <http://ppacolgis.uum.edu.my/> | Facebook : OFFICIAL PPA UUM COLGIS



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.